



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18/6/2011

> SEMPENA DIALOG ANTARABANGSA LANGKAWI 2011 DI PUTRA JAYA (19-21 JUN)

Perkongasian baru Kuala Lumpur

Oleh **ZULKIFLI JALIL**
dan **HASHNAN ABDULLAH**
pengarang@utusan.com.my

SETELAH lapan tahun Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) diadakan di Pulau Langkawi, maka buat pertama kali dalam sejarahnya dialog tersebut pada tahun ini diadakan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Keputusan itu dibuat bagi memenuhi permintaan negara-negara peserta yang ingin melihat perkembangan pembangunan terkini yang berlaku di Putrajaya, Cyberjaya dan Kuala Lumpur.

Penganjuran LID diadakan di saat dunia berdepan dengan gelombang inflasi, harga makanan dan minyak terus melambung tinggi akibat bencana alam, konflik dan juga spekulasi. Meskipun masalah sejagat seperti itu melanda semua tempat tanpa mengira ideologi politik atau status ekonomi, namun implikasinya sudah tentu lebih besar ke atas negara membangun.

Dalam suasana global yang semakin mencabar, ia menonjolkan kepentingan perkongsian pintar antara negara-negara membangun ini untuk menangani isu-isu yang menggugat kepentingan bersama.

LID dicetuskan oleh Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad sejak 1995 bagi merapatkan hubungan dengan negara-negara Afrika yang menghadapi masalah yang hampir sama iaitu kemiskinan dan masalah negara yang pernah dijajah.

Dan tidak dinafikan bahawa sempadan geografi sedikit sebanyak membataskan hubungan Malaysia dengan negara-negara Afrika dan Caribbean.

Masing-masing lebih aktif dalam pertumbuhan serantau seperti ASEAN (Asia Tenggara), AEC (Afrika) dan CARICOM (Caribbean). Keadaan itu seiring dengan per-



kembangan semasa yang menampakkan pertumbuhan biok-blok ekonomi wilayah di seluruh dunia.

Walaupun masing-masing mengekalkan hubungan diplomatik yang stabil, hubungan Malaysia dengan negara-negara Afrika dan Caribbean dilihat kurang akrab berbanding dengan negara membangun di Asia.

Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) contohnya merupakan medan komunikasi Malaysia dengan Afrika dan Caribbean. Namun pergerakan itu lebih tertumpu kepada kerjasama pohtik dan ke-relevanannya juga dipersoalkan selepas tamatnya Perang Dingin pada 1990.

Dalam pada itu, walaupun Kerjasama Selatan-Selatan menumpu kepada kolaborasi negara-negara membangun dalam bidang sosial dan ekonomi, peranan inisiatif ini bagaimanapun dibayangi ikatan wilayah yang dilihat jauh lebih dominan.

Dalam keadaan ini, Malaysia memerlukan lebih banyak pentas yang mampu memacu hubungannya dengan negara-negara Afrika dan Caribbean. Sebab itu LID dalam soal ini dapat memainkan peranan yang penting.

Walaupun mempunyai latar belakang budaya yang amat berbeza, Malaysia tetap berkongsi banyak persamaan dengan Caribbean dan Afrika.

Benua Afrika dan kepulauan Caribbean juga menawarkan pasaran yang luas untuk pelabur dan usahawan Malaysia. Dalam pada itu, Malaysia juga mempunyai pelbagai pengalaman yang boleh dikongsi bersama dengan komuniti Afrika dan Caribbean. Jika sebelum ini usaha menghapuskan kemiskinan tegar merupakan isu yang sering dikongsikan dalam LID, Malaysia pada LID 2011 di Putrajaya boleh berkongsi sesuatu yang bam.

Lokasi persidangan yang berdekatan dengan Kuala Lumpur, akan memberikan platform yang baik untuk mempamerkan pembangunan negara selain pembangunan Putrajaya sendiri

Transformasi yang digariskan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) bukan setakat menyentuh tentang penghapusan kemiskinan tetapi lebih dari itu suatu usaha untuk mengubah negara membangun menjadi negara berpendapatan tinggi.

LID 2011 dilihat menjadi ruang dan peluang yang terbaik kepada Perdana Menteri, Datuk Sen Najib Tun Razak untuk memperkenalkan dasar dan hala tuju negara yang baru dalam mencapai visi menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Antara dasar tersebut adalah konsep (Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan); GTP; ETP dan Model Ekonomi Baru (MEB).

Perdana Menteri dijangka mengambil peluang tersebut untuk menerangkan bagaimana idea baru dan inovatif tersebut mampu mengurangkan perbelanjaan untuk pentadbiran dan projek-projek pembangunan kerajaan.

Idea baru dan inovatif itu diperlukan sebagai satu usaha untuk menjadikan cabaran LID sentiasa relevan selaras dengan cabaran global semasa.

Dan secara kebetulan pula inilah LID pertama yang dirasmikan dan dipengerusikan oleh Najib. Malah, Dr. Mahathir menyifatkan penganjuran LID di Putrajaya adalah langkah yang baik untuk mempamerkan pembangunan infrastruktur dan inovasi terkini dalam pembinaan Malaysia. Kata beliau, lokasi persidangan yang berdekatan dengan Kuala Lumpur, akan memberikan platform yang baik untuk mempamerkan pembangunan negara selain pembangunan Putrajaya sendiri.

"Di Langkawi mereka hanya berbincang

tetapi mereka tidak boleh menunjukkan apa-apa kecuali pelancongan tetapi di sini (Putrajaya) boleh nampak," katanya baru-baru ini.

Bertemakan "Menjana Perkongsian Bestari Untuk Transformasi Sosio-Ekonomi", LID 2011 akan berlangsung selama tiga hari bermula 19 Jun di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya.

LID ialah sebahagian daripada siri Dialog Perkongsian Bestari yang mempromosikan prinsip dan amalan pendekatan "Perkongsian Bestari" kepada kerjasama kreatif antara kerajaan dan sektor-sektor lain yang menyumbang kepada aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi. "Perkongsian Bestari" ialah konsep inovatif yang berlandaskan kepada aspek "situasi menang-menang" dan *prosper thy neighbour*.

LID 2011 akan turut memberi peluang kepada peserta melawat PROTON, SIRIM dan Malaysia Palm Oil Board (MPOB). Dan hasil dari lawatan lapangan itu akan dilaporkan kepada Sidang Pleno yang akan disertai oleh ketua negara yang menyertai forum itu.

Buat pertama kalinya LID 2011 akan turut mengadakan Forum Perniagaan Malaysia-Afrika pada had ini (Sabtu) dan bertemakan Meneroka Dimensi Baru bagi mencerminkan pentingnya mengembangkan hubungan ekonomi dan perniagaan antara Malaysia dan Afrika dengan perkembangan geopolitik semasa.

Forum yang akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin itu akan turut disertai Dr. Mahathir dan beberapa penceramah terkenal dari Malaysia dan Afrika.